



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)

Mengenai:

**Projek Sistem Kutipan Cukai Jalan dan
Rekod Kemasukan Kenderaan**

Kementerian Pengangkutan:

- (i) YBhg Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman,
Ketua Setiausaha
- (ii) YBhg Datuk Seri Dr. Ismail Bakar, Mantan Ketua
Setiausaha Pengangkutan
(Tempoh Perkhidmatan 18 Nov 2014 hingga
15 Dis 2015)

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 3 APRIL 2019**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] - *Pengerusi*
YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]
YB. Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]
YB. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]
YB. Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar]
YB. Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]
YB. Tuan Wong Chen [Subang]

URUS SETIA

Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]
Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]
Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara]
Cik Fatin Izzati binti Mohd Radzi [Jurubahasa Serentak Kanan II Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Encik Saiful Anuar bin Zakaria [Pengarah Audit Melaka]
Cik Maszura binti Hassan [Timbalan Pengarah Audit Sektor Audit Prestasi]
Puan Nik Norwati binti Nik Harun [Ketua Seksyen Audit Sektor Audit Prestasi]

Jabatan Peguam Negara

YBhg. Datuk Amirudin bin Abd. Rahman [Timbalan Ketua Bahagian Penasihat (Munisipal) I]
Puan Chong Li Lian [Peguam Kanan Persekutuan]

samb/-

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Puan Fadzillah binti Shamsuddin [Timbalan Pengarah (Awam) Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan]

Kementerian Kewangan

Encik Suhaili bin Ahmad [Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Parlimen, Kabinet dan Kawalan Pemantauan) Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (Kawalan Pemantauan) Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Roslie bin Rustam [Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi]

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi

Encik Azhar Noraini [Pengarah Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara dan Operasi Khas) Bahagian Perkhidmatan]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pengangkutan**

YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bakar [Mantan Ketua Setiausaha]

YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali [Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]

Encik Severinus Tukah [Timbalan Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari [Penolong Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]

Encik Nor Azam bin Abd. Rahman [Penolong Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 3 April 2019****Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.32 petang***[Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Pengerusi: Okey, kita mulakan prosiding ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan selamat petang dan salam sejahtera kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. *There are two more coming on the way.* Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha PAC dan juga merupakan Setiausaha Dewan Rakyat. Untuk makluman Datuk Seri, bersama-sama dengan PAC adalah Ahli-ahli ex-officio PAC yang terdiri daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, Kementerian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan juga Jabatan Akauntan Negara.

Petang ini, PAC meneruskan mesyuarat prosiding ketiga membabitkan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) di bawah Kementerian Pengangkutan dengan mendengar penjelasan dan keterangan daripada Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail Haji Bakar, Ketua Setiausaha Negara yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Setiausaha MoT. Tempoh perkhidmatan daripada 8 November 2014 hingga 15 Disember 2015.

Hadir bersama-sama dengan Datuk Seri Dr. Ismail Bakar adalah Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib, Ketua Setiausaha MoT. Terima kasih saya ucapkan kepada Datuk Seri Dr. Ismail, Datuk Mohd Khairul Adib serta *team* daripada MoT kerana sudi hadir di hadapan Jawatankuasa ini dan memberikan kerjasama penuh bagi membantu PAC Parlimen melengkapkan laporan berhubung dengan projek RC dan VEP yang sebelum ini dibentangkan oleh Jabatan Audit di Parlimen.

Untuk makluman semua, PAC Parlimen memulakan prosiding untuk isu ini pada 20 Februari 2019 dengan memanggil Datuk Mohd Khairul Adib bagi mendengar penjelasan serta keterangan beliau dalam isu ini yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2017. Lanjutan daripada prosiding kali pertama itu, Jawatankuasa ini kemudian membuat keputusan untuk mendengar penjelasan dan keterangan daripada Datuk Seri Dr. Ismail dan Dato' Seri Liow Tiong Lai, mantan Menteri Pengangkutan yang menjawat jawatan itu daripada 25 Jun

2014 hingga 9 Mei 2018. Pada 27 Mac 2019, Jawatankuasa ini sudah mendengar keterangan dan penjelasan daripada Dato' Seri Liow Tiong Lai berhubung dengan isu ini. Saya berharap Jawatankuasa ini akan dapat melengkapkan laporannya selepas mendengar dan mendapat penjelasan daripada Datuk Seri Dr. Ismail pada hari ini.

Sehubungan dengan itu, tanpa membuang masa, saya menjemput Yang Berbahagia Datuk Seri Dr. Ismail untuk memberi keterangan dan penjelasan berhubung dengan isu ini. Ya, silakan Datuk Seri. PAC tentu sekali ingin mendengar dua perkara. Pertama, tentang perincian terhadap Jawatankuasa Teknikal dan juga tentang peranan Datuk Seri sebagai KSU MoT pada ketika itu. Ya, sila Datuk Seri.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar [Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat petang dan selamat sejahtera Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Pengerusi PAC, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC, Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Parlimen, rakan-rakan saya, KSU MoT dan semua pegawai daripada MoT. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk memberikan penjelasan mengenai kedudukan perkara yang dibangkitkan mengenai Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP).

Sebenarnya saya pun sudah lama tunggu juga untuk memberikan penjelasan sebagai peranan saya sebagai KSU pada masa tersebut iaitu daripada tempoh 18 November 2014 sehingga 15 Disember 2015 iaitu satu tempoh lebih kurang setahun dua minggu saya memegang jawatan KSU Kementerian Pengangkutan.

Mengenai projek ini, pada masa itu, sentimennya adalah keperluan yang amat mendesak, pertamanya, iaitu disebabkan oleh caj kenderaan yang dikenakan oleh Singapura yang memerlukan kita bertindak cepat untuk melaksanakan RC dan VEP di pihak Kerajaan Malaysia. Oleh sebab itu, keputusan yang telah dibuat pada tahun 2006 dan tahun 2007 belum dilaksanakan pada masa tersebut. Apabila saya menjadi KSU, salah satu daripadanya adalah untuk menyegerakan sistem VEP dan RC supaya dapat dilaksanakan secepat mungkin supaya kerajaan tidak kehilangan hasil.

Kalau kita boleh ingat, pada masa tersebut, Singapura telah menaikkan kadar kepada SGD35 *per vehicle*. Apabila kita gagal untuk menyegerakan projek tersebut, sudah tentunya kerajaan kehilangan hasil yang besar pada masa tersebut. Jadi daripada segi objektif dan matlamatnya adalah satu yang baik iaitu kita menyegerakan projek tersebut.

Keduanya adalah mengenai pelantikan syarikat untuk melaksanakan projek VEP tersebut. Apabila saya menjadi KSU pada masa itu, saya telah diberikan tugas untuk menyegerakan, sepertimana yang saya sebutkan tadi, untuk menyegerakan projek ini. Pada

masa tersebut, kita telah mencadangkan, memikirkan bagaimanakah cara yang terbaik sebab kita belum lagi mempunyai VEP. Kemudian kita mencadangkan VEP ini akan dilaksanakan di tiga tempat iaitu di Malaysia-Singapura *border*, Malaysia-Thailand *border* dan Malaysia-Brunei-Indonesia *border*. So, untuk menyegerakan, kita akan mengadakan pada masa itu, sebagai *pilot* dulu, di Singapore-Malaysia *border* supaya kita dapat meningkatkan kutipan hasil. Pada masa itu sentimennya adalah kita perlu menyegerakan.

Cadangan kita pada masa tersebut adalah untuk kita membuka kepada tender terbuka (*open tender*) to get the best system and the cheapest cost to the government and to the maximum benefit to the government, so-called to get the best value for money to the government.

Walau bagaimanapun, cadangan tersebut tidak dapat dilaksanakan disebabkan faktor kesegeraan. Saya sebagai KSU pada masa itu telah menerima satu surat keputusan yang telah dibuat atas permohonan Yang Berhormat Menteri pada masa tersebut Yang Berhormat Dato' Seri Liow Tiong Lai bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberikan keputusan bahawa projek ini dilaksanakan oleh satu syarikat iaitu TCSens. Syarikat ini merupakan salah satu daripada syarikat yang dicadangkan pada awalnya untuk tender terhad tetapi telah diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu untuk diberikan kepada TCSens.

■1440

Ada *background*-nya kenapa syarikat ini diberikan kepada TCSens. Berdasarkan kepada surat tersebut yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri, iaitu pertamanya disebabkan syarikat ini mempunyai kepakaran di mana dia membangunkan RFID. RFID yang digunakan yang diperlukan untuk VEP tersebut. Jadi disebabkan faktor tersebut dan kemahiran ataupun teknikal yang dimiliki oleh syarikat tersebut, syarikat ini telah dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk diberikan projek membangunkan VEP tersebut.

Walau bagaimanapun, sebagai memenuhi proses perolehan yang teratur, saya telah mengarahkan pegawai-pegawai saya untuk menulis surat secara rasmi kepada MoF untuk memastikan bahawa surat tersebut sebenarnya dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa perkara ini perlu dilaksanakan mengikut proses peraturan yang teratur sekiranya hendak dibuat secara rundingan terus. Permohonan telah diberikan kepada MoF dan MoF telah memberikan kelulusan.

Selepas daripada itu, kita telah menghantar kepada Kabinet. Kertas Kabinet disiapkan untuk memastikan bahawa peraturan-peraturan perolehan ini sekali lagi diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri. Kita juga telah menggariskan beberapa perkara sekiranya perkara ini perlu disegerakan iaitu, pertama sekali, proses memenuhi keperluan VM tidak perlu dibuat

tetapi Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan perlu ditubuhkan untuk memastikan bahawa kepentingan-kepentingan kerajaan terpelihara walaupun melalui rundingan terus. Kedua-dua jawatankuasa telah ditubuhkan dan telah mempersetujui bahawa syarikat ini boleh diberikan tender tersebut, projek tersebut.

Walau bagaimanapun, kita perlu memberikan sedikit prasyarat kepada syarikat ini untuk memastikan bahawa projek ini tidak terbengkalai di pertengahan jalan disebabkan faktor kesegeraan yang kita ketengahkan pada awalnya. Jadi, kita telah memberikan dua tiga perkara tumpuan kepada syarikat ini. Pertama sekali, kedudukan kewangan syarikat ini mestilah kukuh. Keduanya, syarikat ini hendaklah mematuhi perkara-perkara pembangunan CAPEX dahulu yang perlu dibuat dan bukannya kita bagi keseluruhan. Oleh sebab itu, bagi memastikan syarikat ini boleh melaksanakan dan pembayaran tidak ada berlaku pembaziran, kita memastikan bahawa apabila projek ini siap sahaja, barulah pembayaran boleh dilakukan.

Jadi, itu adalah sinopsis ataupun ringkasan awal bagaimana projek ini dilaksanakan pemilihannya dan faktor kesegeraan yang memerlukan pelantikan syarikat ini dibuat pada ketika itu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sebagai KSU, adakah ketika itu kementerian berpuas hati dengan analisis yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal terhadap *company*?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pada masa ketika itu, apabila kita menerima surat cadangan pelantikan rundingan terus, kita merasakan sesuatu perlu dibuat iaitu kita membuat kajian penilaian terperinci ke atas keupayaan syarikat tersebut sepertimana proses perolehan yang biasa iaitu melalui Jawatankuasa Teknikal dan juga Jawatankuasa Kewangan. Kedua-dua jawatankuasa ini telah meneliti keupayaan syarikat tersebut dari segi teknikal dan kewangan.

Kita telah mensyaratkan— yang mana syarikat tersebut dari segi keupayaan kewangan tidak mencukupi dan kita telah mensyaratkan supaya *minimum requirement financial ability* syarikat, kapasiti ini perlu ditambah. Jadi kita telah mensyaratkan sebelum apa-apa juga LOA dikeluarkan, syarikat ini hendaklah meningkatkan keupayaan teknikal. Ini proses biasa kalau sekiranya kita membuat sesuatu perolehan, sekiranya syarikat tersebut tidak mempunyai keupayaan kewangan, kita harus memastikan syarikat tersebut mampu untuk melaksanakan projek tersebut.

Tuan Pengerusi: Laporan Audit mengatakan bahawa— *highlighted by the audit that the company*, keupayaan kewangan *company*, syarikat terlalu rendah. *It was stated that* dia punya dalam akaun lebih kurang RM36. So, tentu sekali faktor ini menjadi faktor mitigasi kementerian ketika merestui bahawa syarikat ini diberi tender secara *direct* oleh kementerian.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Oleh sebab itu, Yang Berhormat, ini merupakan salah satu *finding* yang kita peroleh oleh analisis daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan tersebut. Kita telah meminta supaya syarikat ini meningkatkan keupayaan kewangan mereka.

Tuan Pengerusi: Dilakukan oleh syarikat?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ya, dilakukan. Syarikat ini telah meningkatkan modal mereka, *working capital* mereka dan *exactly* saya tidak ingat berapa tetapi *about six percent of the total project*. [Disampuk] Tiga percent. Sebanyak RM3 juta daripada kos projek iaitu lebih kurang *three percent*, lebih kurang RM3 juta daripada kos projek tersebut.

Tuan Pengerusi: Dilakukan oleh syarikatlah?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Dilakukan oleh syarikat.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Datuk Seri, lanjutan daripada soalan berkenaan dengan *capital* syarikat itu. So apabila Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan nampak syarikat ini hanya mempunyai satu jumlah wang sebanyak RM36 sahaja di dalam *bank account*, bagaimanakah pihak kementerian boleh membuat satu keputusan yang mana syarikat ini adalah sesuai untuk menerima projek ini? Ini memandangkan sekiranya syarikat ini adalah syarikat aktif, syarikat yang berpengalaman dalam bidang ini, saya yakin tidak mungkin kita hanya akan nampak RM36 sahaja dalam akaun *unless this is the dormant company*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *That is why we discovered the* keupayaan kewangan syarikat tersebut. Sebelum kita mendapatkan proses pelantikan mereka, kita memastikan bahawa syarikat ini mempunyai kedudukan kewangan yang mencukupi. Proses untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian Kewangan iaitu proses perolehan rundingan terus ini, kita pastikan syarikat ini berkeupayaan dari segi teknikal dan kewangan. Oleh sebab itu kita bawa perkara ini kepada Kementerian Kewangan.

Soal perolehan ini adalah di bawah Kementerian Kewangan yang mana Menteri Kewangan mempunyai kuasa penuh ke atas sesuatu proses perolehan. Proses ini, kuasa Kementerian Kewangan ini sehingga sekarang mempunyai kuasa penuh sama ada untuk membatalkan, meneruskan, bersetuju atau tidak bersetuju dengan apa-apa juga cadangan perolehan. So, itu adalah kuasa mutlak di bawah Menteri Kewangan dan kita sebagai penjawat awam yang terlibat dalam proses perolehan tersebut, kita mematuhi perkara-perkara tersebut. Apabila Kementerian Kewangan memberikan kelulusan, bermakna proses-proses penilaian teknikal dan kewangan telah kita patuhi dan mereka puas hati. Oleh sebab itu kelulusan telah diberikan kepada syarikat ini.

Selain daripada itu, untuk memastikan bahawa syarikat ini boleh melaksanakan, saya dan pegawai-pegawai saya mengenakan syarat-syarat tersendiri iaitu kita memecahkan daripada

CAPEX dan OPEX. Biasanya— belum ada satu projek perolehan yang konvensional ini melibatkan pembangunan sistem yang kita pecahkan. Akan tetapi ini adalah yang pertama kali kita buat dalam sejarah, pembangunan sistem ini kita pecahkan kepada dua iaitu CAPEX dan OPEX. Sekiranya syarikat ini boleh membangunkan dari segi pembangunan sistem tersebut, barulah kita bayar.

Keduanya, OPEX itu kita asingkan. Jadi kalau OPEX itu kita asingkan, kita selamat. Sekiranya berlaku sesuatu benda, kita ada prosedur untuk membatalkan projek tersebut dan sekiranya ada tuntutan-tuntutan dan sebagainya, hanya *limited* kepada CAPEX sahaja.

Tuan Wong Kah Woh: Saya faham, Datuk Seri, berkenaan dengan kedudukan sebagai seorang penjawat awam yang mana mematuhi keputusan daripada, dalam kes ini adalah Perdana Menteri ataupun *Minister of Finance* pada masa itu.

Akan tetapi, soalan saya tadi adalah apabila pemberian kontrak ini diberikan secara rundingan terus dan apabila Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan menyemak pengalaman dan juga latar belakang (*background*) syarikat ini, adalah jelas seperti yang saya katakan tadi, sekiranya syarikat ini adalah aktif, sekiranya syarikat ini memang *have undertaken all the government works before that, the bank account cannot be RM36*. So, sama ada pihak Datuk Seri ada memberikan apa-apa nasihat atau pandangan kepada Menteri pada ketika itu berkenaan dengan situasi ini?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Kita sebenarnya telah membuat siasatan. Apabila kita menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan tersebut, dia akan menyiasat dari semua sudut, daripada teknikalnya sama ada dia berkeupayaan atau tidak.

■1450

Kita melihat juga dari segi prospektus-prospektus *company*, laporan-laporan yang ada. Difahami syarikat ini juga membangunkan RFID mereka dan mereka mempunyai pengalaman tertentu dalam bidang ini. Jadi pada masa itu, *at that particular time*, kita berpuas hati bahawa syarikat ini boleh diberikan projek dan melaksanakan projek tersebut. Itulah hasil daripada penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal pada masa itu.

Sekarang ini saya difahami projek VEP ini pun sudah dilaksanakan tetapi pada masa itu, pada masa saya meninggalkan Kementerian Pengangkutan pada masa itu, projek itu hanya setakat pembangunan CAPEX iaitu bernilai lebih kurang RM42 juta sahaja. Masa itu, soal OPEX ini belum lagi ditimbulkan sebab masih dalam proses *developmental*, proses pembangunan sistem.

Jadi sekarang ini saya dimaklumkan sistem tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya dan saya pun tidak dimaklumkan apakah sebenarnya sistem ini telah berjaya menghasilkan *result*

sepertimana yang diharapkan daripada pembangunan sistem ini pada peringkat asalnya. Jadi mungkin MoT boleh memberikan gambaran sebenar sama ada sistem ini telah berjaya atau syarikat ini telah gagal.

Tuan Wong Kah Woh: *I think* sebelum ini kami telah pun diberikan taklimatlah berkenaan dengan status terkini.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Jadi, Yang Berhormat, kalau begitu, mungkin saya boleh menyimpulkan bahawa walaupun syarikat ini tidak mempunyai kewangan yang kukuh pada asalnya dan kita mengambil langkah-langkah *mitigation* dan sekarang ini telah berjaya, kalau betul-betul anggapan saya ia telah berjaya dilaksanakan, jadi soalnya adalah soal bagaimana pelantikan tersebut dibuat. Dalam hal ini, soal pelantikan rundingan terus ini adalah kuasa mutlak Menteri Kewangan dan langkah-langkah untuk menjaga kepentingan kerajaan, saya sebagai KSU yang hanya setahun pada masa itu, saya laksanakan dengan penuh *responsibility*. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wong Kah Woh: Terima kasih, Datuk Seri. Tadi apabila Datuk Seri pada permulaan *presentation* Datuk Seri tadi, jika tidak silap saya, Datuk Seri ada menyatakan berkenaan dengan TCSens ini merupakan salah satu syarikat yang terlibat dalam tender terhadap dalam projek ini. Apa maksud itu?

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Pada asalnya, syarikat telah dikenal pasti bersama-sama dengan syarikat lain iaitu syarikat TCSens, syarikat Touch n' Go— apa lagi? *Sorry*. IRIS, HeiTech Padu, TCSens, Touch n' Go and AIM Solutions. Ini merupakan lima syarikat yang kita cadang pada asalnya yang hasil daripada kajian pasaran, mereka mempunyai keupayaan untuk melaksanakan pembangunan VEP ini dan telah dijemput untuk mengemukakan *request for proposal (RFP)*. Kita menerima satu sahaja iaitu daripada TCSens.

Okey, pada 26 November 2014...

Tuan Wong Kah Woh: *Sorry?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ya?

Tuan Wong Kah Woh: Tidak dengar.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: *Sorry*. Pada 26 November 2014, Kementerian Pengangkutan telah mengemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk melaksanakan perolehan secara tender terhadap kepada lima syarikat iaitu syarikat IRIS, HeiTech Padu, TCSens, Touch n' Go dan AIM Solutions.

Jawapan daripada Kementerian Kewangan adalah bertarikh 18 Disember ya. Kementerian Kewangan bersetuju untuk pelaksanaan projek RC, VEP dengan syarat pelaksanaan RP, RFP secara terbuka kepada syarikat tempatan yang berminat. Syarikat yang

dipilih berkemampuan dari segi teknikal dan kewangan dan kutipan caj jalan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Pada 27 Mac 2015, Mesyuarat Jemaah Menteri bersetuju kutipan RC sebanyak RM20 dan mengenakan VEP kepada semua kenderaan asing. Supaya cadangan pelaksanaan diintegrasikan dengan mana-mana cadangan agensi lain yang menyamai projek VEP dan RC seperti uCustoms dan *multi-lane free flow* dan dilaksanakan secara tender terbuka. *That was the* keputusan Jemaah Menteri pada masa itu bertarikh 27 Mac 2015.

Pada 10 Jun 2015, surat Yang Berhormat Menteri Pengangkutan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memohon pelantikan secara rundingan terus Syarikat TCSens. Ini pada 10 Jun 2015. Pada 11 Jun 2015, minit persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas permohonan pelaksanaan projek secara rundingan terus oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. So, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengadakan rundingan terus *instead of* tender terhad kepada lima syarikat yang kita cadangkan tersebut.

Saya telah menerima keputusan tersebut dan sepertimana disebutkan tadi, saya telah menjalankan proses permohonan rundingan terus secara rasmi kepada Kementerian Kewangan untuk disahkan bahawa permohonan rundingan terus ini boleh dilaksanakan.

Tuan Wong Kah Woh: Datuk Seri, *I thought*— soalan tadi dekat mana ya? Okey, so maksudnya— saya hendak dapatkan *confirmation* di sini— apabila MoT pada mula-mulanya ingin melaksanakan projek ini, MoT telah membuat satu keputusan untuk memanggil syarikat-syarikat, lima syarikat yang tadi secara tender terhad.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Yes.

Tuan Wong Kah Woh: So, itu adalah hasrat MoT.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Biasanya, Yang Berhormat— *sorry*, Yang Berhormat. Biasanya, proses tender terhad ini, Kementerian Kewangan akan meminta sekurang-kurangnya 10 syarikat, setelah kita mengadakan kajian pasaran, setelah kita membuat proses pemilihan syarikat-syarikat yang bersesuaian. Sekiranya kita tidak dapat mengemukakan 10 syarikat minimum, kalau sekiranya kita hantar lima syarikat, Kementerian Kewangan mempunyai hak mutlak untuk menambahkan bilangan-bilangan yang sesuai supaya tender terhad tersebut memberikan gambaran atau menghasilkan nilai tender ataupun perolehan yang lebih menguntungkan. Itu biasanya Kementerian Kewangan sendiri yang akan memberikan nama-nama tambahan kepada cadangan kita.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Datuk Seri, dua soalan. Sebelum ini kami difahamkan bahawa untuk kesemua projek yang melebihi RM500,000, hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka. Dalam kes ini adalah melebihi RM104 juta jika tidak silap saya.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: RM42 juta.

Tuan Pengerusi: 140. 140 *something*.

Tuan Wong Kah Woh: Lebih daripada RM100 juta. *Anyway*, ia adalah melebihi RM500 juta. So, bagaimanakah ia boleh di...

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: RM500,000. Melebihi RM500,000.

Tuan Wong Kah Woh: RM500,000. *Sorry*. Bagaimanakah ia boleh *at the first instance* sudah diberikan secara tender terhad? Itu nombor satu. Nombor dua, siapa yang meng-*identified*-kan lima syarikat tersebut? *What are the ways that you identified the five companies and not other companies?*

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Okey, pada masa itu, pemilihan lima syarikat ini adalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh— pemilihan yang dibuat oleh Kementerian Pengangkutan mengenai keupayaan syarikat-syarikat terutamanya yang melibatkan keupayaan mengeluarkan RFID dan memenuhi *multi flow*...

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman [Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan]: *Multi-lane free flow (MLFF)*.

Tuan Wong Kah Woh: Datuk Seri, *sorry*. *I think we understand about the* kepakaran yang diperlukan semua itu. Soalan saya adalah *how did you go and identify these five companies* yang mana *I cannot be plucking the companies from nowhere*. So, siapa yang akan mencadangkan kelima-lima ini? *Sorry for my ignorance*.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Saya rasa pasti pegawai-pegawai saya yang sudah mencadangkan syarikat-syarikat tersebut, pemilihan-pemilihan syarikat tersebut.

Okey, tarikh permohonan— syarikat TCSens ini sebenarnya telah mengemukakan rundingan terus ini daripada tahun 2012 daripada 17 Disember 2012, 31 Mei 2013, 7 Januari 2014, 10 Februari 2014 dan 20 Ogos 2014. Maknanya, dia telah memohon untuk membuat rundingan terus— syarikat TCSens ini— daripada tahun 2012 lagi.

■1500

Kita, untuk memberikan satu keadilan kepada syarikat-syarikat yang lain, sebab itu kita juga membuat kajian pada masa itu di manakah syarikat-syarikat lain yang boleh juga memberikan tawaran yang terbaik. Ada setengahnya syarikat tersebut menulis kepada kita mohon untuk dimasukkan dalam tender terhad tersebut. Contohnya Iris melalui permohonan

bertarikh 18 September 2014, Touch n' Go iaitu operator semasa untuk tol PLUS pada 20 September 2014, AIM Solutions pada 28 Ogos 2014 dan HeiTech Padu pada 23 Oktober 2014.

So, ini adalah syarikat-syarikat yang memohon untuk membangunkan sistem VEP pada masa tersebut.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Datuk Seri. So, di sini kita boleh mengesahkan bahawa *the first— I will say the first* permohonan ataupun *the first shown of interest* adalah daripada TCSens jauh dari tahun 2012. Dalam perkara ini, *I think* Kabinet tidak membuat satu keputusan untuk melaksanakan sistem ini sehingga tahun 2014. *So, can I actually say that the whole project is actually vendor driven? Do you agree with me that the company came in first before the Cabinet make any decisions?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *In fact*, kita telah *start* daripada tahun 2006, 2007 lagi. Daripada tahun 2006, 2007 lagi keputusan telah dibuat oleh kerajaan apabila Singapura mengenakan caj pada kenderaan kita dan kenderaan asing yang lain.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, *last question*. *What is the SOP for all the* kementerian, *of course* bukan sahaja untuk MoT tetapi untuk kesemua kementerian apabila terdapat syarikat yang menunjukkan *interest* mereka untuk membuat satu permohonan tender untuk sesuatu projek? Selain daripada kepakaran yang mereka akan nyatakan dalam profil mereka atau *and all this*, sama ada kementerian akan membuat carian syarikat berkenaan dengan latar belakang syarikat-syarikat tersebut termasuk siapakah pemegang saham, siapakah *director*? *So, I think that is prudent for the ministry to do so, right? Always.*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ya, *always we do some checking, thorough checking on the shareholders of the companies. But sometimes, there are three or four levels in terms of shareholders of the company.* Kita tidak sampai ke peringkat tersebut. Biasanya kita tengok siapa *shareholders company* itu tetapi *behind* itu kita tidak tahu. *So, that is normal for any companies* untuk buat macam itu.

Tuan Pengerusi: Ada isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit bahawa cadangan asal projek ini cuma dicadangkan *some RM40 million but end up RM100 over million*. So, kita telah dibagi makluman oleh pegawai-pegawai MoT bahawa ia disebabkan oleh penambahan *spec* yang berlaku. *Are you aware of that, Datuk Seri?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Pada masa tersebut, keputusan kita adalah untuk memastikan bahawa sistem tersebut *up and running*, baru kita akan masuk ke fasa yang kedua iaitu OPEX dari segi *maintenance* dan sebagainya. Selagi sistem tersebut tidak disiapkan, kita tidak akan pergi ke sistem itu. *That is what until the 15 Disember—* sehingga saya ada dekat

situ. Selepas daripada itu, saya pun tidak monitor projek ini dan tidak tahu apa berlaku dengan projek ini. So, saya tidak tahu. Mungkin KSU boleh menjawab.

Tuan Pengerusi: Ya, KSU dah maklumkan kepada kita sebelum ini. *Is it normal*, walaupun ada cadangan daripada kementerian untuk mencadangkan pilihan terhadap beberapa syarikat yang dicadangkan, *is it normal for* kementerian untuk akur kepada Menteri Kewangan untuk memberi atau *award*-kan kerja-kerja seperti ini melalui tender iaitu *direct tender*, *direct award* dan sebagainya? *Is it normal for* kementerian *just to* akur *whatever* keputusan daripada Menteri Kewangan?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Pengalaman saya sebagai KSU kepada tiga kementerian, biasanya kita akan bawa perkara ini kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan *endorsement*, *final endorsement from the Ministry of Finance to make sure that they are well informed of what the implication if the direct nego with the certain company which we are not comfortable in terms of technical and financial*. So, kita akan bagi ke Kementerian Kewangan balik. Kalau kita tidak setuju, kita kata tidak setuju. Kalau kita kata boleh dipertimbangkan dan kita kata boleh dipertimbangkan.

Akan tetapi, kementerian tidak boleh secara individu, kita memutuskan bahawa setuju. Sebagai contohnya, sekiranya yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan projek ini diberi kepada syarikat A, kita akan tulis surat kepada MoF balik bahawa dengan pandangan-pandangan kita bahawa perkara ini tidak wajar dan hendaklah dilaksanakan secara tender terbuka atau apa-apa juga cara yang wajar untuk menjimatkan kedudukan kewangan kerajaan.

Tuan Pengerusi: *Your experience as KSU for three ministries, have you ever go against the decision of* Menteri Kewangan *on selection of contractor?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Sebab itu saya setahun sahaja dekat MoT.

Tuan Pengerusi: Yang kementerian lain?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Sama juga.

Tuan Pengerusi: So, kita tahu bahawa Menteri Kewangan ada kuasa besar untuk melantik apa juga cara pelantikan terhadap mana-mana pelantikan kontraktor terhadap mana-mana kerja. *So, we all know of that. I think Treasury Instruction under six something*, Menteri Kewangan ada kuasa penuh untuk menentukan pelantikan sesuatu kontraktor sama ada *direct tender*, *direct award*, *selected tender* dan sebagainya.

So, dalam konteks ini, kementerian tidak ada hak untuk *rebut the decision of the Ministry of Finance*. *It is the power of the Ministry of Finance*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ya, Yang Berhormat. Sebenarnya, soal perolehan ini adalah di bawah Kementerian Kewangan. Kita sebagai pegawai pengawal, kita diturunkan kuasa

untuk melaksanakan perolehan tertentu di bawah kementerian kita. *The sole authority* adalah kepada Kementerian Kewangan. Kita diturunkan kuasa melalui pelantikan sebagai pegawai pengawal untuk menjaga soal perolehan, kewangan dan sebagainya. So, sebab itu, apa-apa juga soal perolehan itu, kita merujuk kepada Kementerian Kewangan iaitu orang yang memberi kuasa kepada kita.

Untuk menjaga kepentingan kerajaan, kita sentiasa memberikan pandangan-pandangan tertentu yang bersifat untuk meningkatkan integriti dalam soal perolehan tersebut. Dalam hal ini, kita memang sentiasa untuk membaiki proses perolehan. Kemungkinan dengan Akta Perolehan yang akan kita buat nanti boleh membaiki sistem pemberian kontrak dan sebagainya untuk memastikan bahawa perolehan kerajaan ini adalah perolehan yang menjimatkan dan tidak berlaku pembaziran sepertimana Yang Berhormat sebutkan tadi, *vendor driven*.

Kita memang tidak menafikan banyak berlaku projek-projek yang *vendor driven* yang akhirnya akan merugikan kerajaan dan rakyat. Kita sendiri rasa dan sedia maklum banyak projek-projek tersebut. Mungkin perkara-perkara ini boleh diatasi sekiranya satu akta ditubuhkan atau diadakan. Sebagai contohnya, projek-projek yang tidak ada peruntukan tetapi diberikan kepada satu syarikat dan sebagainya. So, ini merupakan satu yang melanggar peraturan sebab semua perolehan ini hendaklah diluluskan melalui peruntukan yang ada yang diluluskan melalui belanjawan tahunan ataupun dalam *rolling plan* Rancangan Malaysia yang *every five years* itu. Sekiranya perkara ini tidak dikawal, sudah tentunya banyak projek-projek yang bersifat *vendor driven* ini akan berlaku.

Tuan Pengerusi: *What is your overall assessment of TCSens?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *My assessment, I will look at the result. If the result is good, then— I mean in terms of cost benefits, I think ada justifikasilah. Akan tetapi, kalau projek ini terbengkalai, gagal dan sebagainya, mungkin kita menghadapi masalah dari segi kehilangan hasil dan juga kos yang merugikan pihak kerajaan dan rakyat.*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: *Chairman.* Saya cuba hendak memahami bahawa beberapa syarikat kontraktor ini dia *target* untuk dapat projek ini sekurang-kurangnya dua tahun sebelum itu ya, kalau tidak silap saya.

■1510

Akan tetapi, Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan memberi nasihat bahawa kontraktor ini tidak ada keupayaan teknikal dan kemampuan kewangan. Macam mana kontraktor ini meyakinkan Kementerian Kewangan khususnya Yang Berhormat Menteri sehingga akhirnya dia dapat benda itu? Sedangkan kalau tengok nasihat daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal

dan Kewangan, mereka seolah-olah tidak layaklah. Apa strategi dia orang sehingga dapat benda itu?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Yang itu saya tidak boleh menjawab, Yang Berhormat. Itu kena... *[Ketawa]* Tetapi dari segi apa yang dalam pengetahuan saya, bagaimana dia dilantik itu mungkin dia melobi Menteri dan sebagainya, saya tidak tahu. Akan tapi apa yang saya tahu, *the result...*

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus: Boleh berlaku begitu ya?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *This is an open secret*, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Menteri Kewangan ada kuasa besar.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wong Hon Wai: Ya, soalan saya. Kalau perolehan kerajaan yang standard...

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ya.

Tuan Wong Hon Wai: Kalau ada Jawatankuasa Sebut Harga untuk harga yang tertentu— kalau di Pulau Pinang, melebihi RM200,000, *go to a tender board*. Saya pernah duduk dalam Jawatankuasa Sebut Harga, Jawatankuasa *Tender Board*. So, saya faham proses semua ini.

Akan tetapi, apabila saya dengar proses rundingan terus ini, saya hendak perincian, apakah peranan KSU dan juga kementerian? *I mean*, saya tengok kronologi *event*, Menteri apabila menulis surat kepada Menteri Kewangan, dalam satu hari diminitkan lulus. Juga, *assessment* ialah berdasarkan kepada input kementerian, pegawai-pegawai kita.

So, saya khuatir bagaimana— apabila dikatakan ini ialah kuasa mutlak Menteri, kemudian Menteri kata ini ialah *recommendation* kementerian. So, *how do you— you* tendang kepada Menteri, Menteri tendang balik kepada *you*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Okey, Yang Berhormat, satu soalan yang baik sekali untuk kita jawab. Sebenarnya dalam soal pelantikan TCSens ini, ia adalah selepas mendapat kelulusan ataupun persetujuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada surat yang ditulis oleh Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Menteri menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tanpa merujuk kepada kita, kepada pegawai. So, *that mean* dia dalam bilik dia taip sendiri hantar kepada PM. *That is beyond* kita— *I don't know what transpired between...*

Tuan Wong Hon Wai: *You mean that the—* okey, kalau saya dengar *correctly*, surat Menteri taip hantar kepada Perdana Menteri...

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Mungkin lah. Saya tidak tahulah Menteri taip sendirikah atau dengan siapa-siapa...

Tuan Wong Hon Wai: Okey, tidak apa. Lepas Menteri Kewangan lulus...

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Lepas Menteri Kewangan lulus, barulah kita...

Tuan Wong Hon Wai: Adakah *you perfect the process* lah? *You* habiskan proses-proses seterusnya lah. *It means that* Menteri buat satu rekomendasi tanpa dokumen-dokumen sokongan ataupun *due diligence*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Saya tidak tahu apa yang ditulis oleh— apa sebab dia tulis permohonan tersebut kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Wong Hon Wai: Ini satu *practice* yang amat silap kerana dalam rundingan terus, sepatutnya ialah jabatan atau kementerian *prepare paper* dengan semua justifikasi, dengan semua rekomendasi, baru Menteri angkat kepada Menteri Kewangan, baru lulus. *It is not the other way around*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Akan tetapi, saya pasti bahawa perkara-perkara mengenai kesegeraan tersebut mungkin yang menyebabkan Menteri pada masa itu menulis surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk melaksanakan projek ini dengan TCSens. Itu yang saya baca daripada surat yang ditulis oleh Yang Berhormat Menteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu.

Tuan Wong Kah Woh: Datuk Seri, *I think* staf-staf atau bukan semua *civil servants* adalah terlibat. Mungkin terlibat dalam tender terhad yang mana memanggil syarikat-syarikat untuk masukkan tender terhad, *go through the expertise and so on*. *I think you are the first layer of the person who are in charge of that*.

So, sama ada pihak Datuk Seri ataupun yang lain ada memberikan nasihat kepada Menteri dalam kes ini supaya untuk mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri pada ketika itu untuk pemberian kontrak ini secara rundingan terus atau tidak? Atau pun surat yang ditulis oleh Menteri itu adalah atas inisiatif beliau sendiri?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Saya berpandangan dan berdasarkan kepada pengalaman saya setahun dengan beliau, saya rasa ini adalah keputusan beliau sendiri.

Tuan Wong Kah Woh: Dan...

Tuan Wong Hon Wai: Maksudnya Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan tidak menulis surat kepada Menteri untuk *recommend*...

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan hanya bersidang selepas keputusan dibuat.

Tuan Wong Hon Wai: Ini penting, fakta ini sangat penting.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Sebab kita tidak pernah mewujudkan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Kewangan bersidang untuk menilai tawaran syarikat sebelum pelantikan dibuat ataupun tender dibuat.

Tuan Wong Hon Wai: Ini kerana apa yang kita dengar sebelum ini, kita ingat Jawatankuasa Teknikal *recommend* kepada Menteri, Menteri *recommend* kepada Menteri Kewangan.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Tidak, tidak.

Tuan Wong Kah Woh: Apakah *study* yang telah dibuat oleh pihak kementerian sebelum surat daripada Yang Berhormat Menteri itu?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Itu sebab kita mencadangkan supaya tender ini dibuat secara tender terbuka.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Okey, Datuk Seri.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Boleh saya tanya? Saya difahamkan TCSens ini selama ini adalah pilihan Menteri Pengangkutan pada masa itu. Adakah Datuk Seri tahu siapa adalah pemegang saham TCSens pada masa itu?

Tuan Wong Kah Woh: *I think— may I just rephrase that question? Question itu sememang telah dijawab tetapi just to rephrase it. Kita daripada rekod, I think daripada Laporan Audit, kita sememangnya tahu ada seorang individu bernama Wee Jeck Seng yang juga merupakan Ahli Parlimen daripada parti MCA pada ketika itu merupakan pemegang saham 25 peratus dalam syarikat TCSens. So, that is the key thing.*

So, sama ada Datuk Seri dan rakan-rakan di dalam kementerian ada menasihatkan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *there is a possible conflict of interest over this matter especially he is giving it by way of a direct negotiation?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Pada masa itu apabila kita melihat, kita tidak tahu siapa Wee Jeck Seng secara apa nama inilah. Apabila kita melihat itu, *we thought that this a different— tetapi we don't call all the shareholders to come forward and declare yourself* pada masa itu. *It is not a practice of government* untuk kita membuat satu pertemuan kepada semua *shareholders* sebab ini adalah dilarang yang boleh menjurus kepada satu pakatan antara pegawai kerajaan dan *shareholders*. Ini tidak baik untuk kementerian dari segi tadbir urus dan integriti.

Jadi kita melihat *at the face value* apa yang dikemukakan hasil siasatan kita tengok daripada borang SSM dan sebagainya. Akan tetapi pada masa itu, kita pun tidak tahu siapa Wee Jeck Seng.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Pada masa itu *you* tidak tahu dia adalah Ahli Parlimen Tanjong Piai?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Tidak, tidak. Akan tetapi saya pun tidak perasanlah kalau masa itu nama dia Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, kita pun tidak ingatlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Datuk Seri, walaupun ada bantahan daripada kementerian *over the shareholder* punya *position but still the power of the Minister of Finance* yang *overrules* semua, bukan?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *Yes, sir.*

Tuan Pengerusi: *Still the Minister of Finance made the final decision.*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *Yes, sir.*

Tuan Pengerusi: *So, at your stage, KSU dengan Menteri MoT pun tidak ada kuasa. I mean* kalau katakan bahawa keadaan Menteri itu bukan ada hubungan parti dengan *shareholder...*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *Yes, sir.*

Tuan Pengerusi: ...Pun kalau dalam keadaan Menteri Kewangan buat keputusan untuk *direct award* kepada *company* itu, *at your level* pun tidak boleh bantah dengan Menteri Kewangan, bukan?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Okey, dalam setengah-tengah keadaan, berdasarkan pengalaman saya, apabila pegawai kerajaan mengemukakan cadangan balas daripada surat-surat pelantikan persetujuan daripada Menteri ataupun daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, biasanya ia akan melihat kewajaran tersebut.

■1520

Sekiranya tindakan menolak tersebut wajar disebabkan memang teruk sungguhlah syarikat tersebut— pernah melakukan projek-projek yang gagal dan sebagainya— kebiasaannya, Kementerian Kewangan akan menolak, memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menolak cadangan...

Tuan Pengerusi: Di dalam kes ini, tiada bantahan dibuat oleh MoT?

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Pada masa tersebut, disebabkan ia di dalam senarai kita yang lima syarikat dan syarikat ini telah mengemukakan daripada awal cadangan-cadangan beliau, sudah tentunya apa yang ditulis dan disampaikan kepada Perdana Menteri pada masa itu telah memperjelaskan kedudukan syarikat ini. Saya rasa mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu telah diberikan *brief* oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengenai siapa syarikat ini. Saya beranggapan begitulah.

Tuan Pengerusi: Saya ada isu lagi. Semasa auditor masuk untuk menyiasat kes ini, lima syarikat itu tak keluar, tahu? *I mean*, tidak dimaklumkan kepada Audit lima syarikat itu. Bilakah sebenarnya syarikat itu? Ya Audit, *please*.

Tuan Haji Khalid Khan bin Abdullah Khan [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]: Tuan Pengerusi dan Yang Berbahagia Datuk Seri KSN. Saya rasa Audit mengetahui, sudah dimaklumkan oleh MoT mengenai lima syarikat itu. Cumanya, dari segi kertas cadangan, kita hanya ada akses kepada TCSens, manakala yang empat lagi itu kita memang tidak dikemukakanlah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Okey, perkara ini dibangkit sebelum saya masuk lagi ke MoT. Mungkin KSU sebelum saya boleh menjawablah *kot*. Pada tarikh 23 Oktober pada masa itu, mungkin—tetapi dari segi maklumat yang saya ada ini adalah bertarikh 23 Oktober itu, telah satu surat... [*Berbincang dengan pegawai*]

Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali [Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan]: Tuan Pengerusi, yang dibangkitkan kenapa Audit tidak diakses kepada syarikat-syarikat yang lain itu disebabkan perkara ini berlaku lebih awallah. Mungkin TCSens ini apabila perkara ini sudah dilantik, sudah berlaku, perundingan terus itu sudah mula mendapat kelulusan, saya ingat mungkin siasatan Audit mungkin di situ. Oleh sebab itu, empat syarikat ini tidak timbul sebelum ini dalam Laporan Audit.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Tuan Pengerusi, kita difahamkan sekarang punya projek memang sudah disiapkan ya, dalam dua minggu yang lepas saja yang saya difahamkan, ya? Jadi, kita tidak boleh mengatakan yang ia sudah berjaya kerana kita mesti *test* fungsi-fungsi yang sepatutnya kita hendak, ia betul-betul akan menghasilkan seperti yang dinyatakan dalam kontrak. Jadi, bagi saya, masih awal lagi untuk memberi satu kenyataan menyatakan bahawa projek itu sudah berjaya. Ini kerana persoalan saya adalah projek ini mengambil masa yang panjang untuk disiapkan. Ada tiga EOT.

Apakah pendapat Datuk Seri ini adalah disebabkan kita tidak melakukan secara tender terbuka dan kerana kita memilih satu kontraktor yang nampak dan dilihat sebagai satu syarikat yang dipilih oleh Menteri Pengangkutan pada ketika itu?

Datuk Seri Dr. Ismail bin Bakar: Mungkin Datuk Mohd Khairul Adib boleh menjawab soalan Yang Berhormat.

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, sepertimana yang telah saya huraikan sebelum ini semasa pembentangan MoT kepada Ahli-ahli PAC, projek ini sepatutnya hanya lima bulan setengah tetapi *drag on for quite some time*. *Nevertheless*, dia ada dua komponen iaitu RC dan VEP.

RC itu telah mula kita *live-kan* pada 1 November 2016 dan sehingga hari ini kita telah berjaya mengutip hampir RM269 juta. Kos projek ini, kalau kita ingatkan, cuma OPEX dia, *is RM104 million, CAPEX is RM45 million, if I am not mistaken*. Jumlah semua lebih kurang RM150 juta. *Collection* sekarang ini, kalau ikutkan ia sudah melebihi kos projek. Cuma, yang komponen VEP itu, hanya diserahkan kepada kerajaan pada 1 Januari untuk kita laksanakan FAT dalam tempoh sebulan. Tempoh sebulan pada Januari 2019 tempoh hari tidak berjaya dilaksanakan sehinggalah pada 22 Mac baru kita keluarkan CFA.

So, maknanya 22 Mac secara rasminya kita terima VEP dan kita *go live* pada 1 April dan kita sekarang ini membuat satu kempen untuk kenderaan-kenderaan asing di Singapura untuk mendaftar dalam tempoh enam bulan untuk mereka mengambil VEP dan RFID.

Jadi, bagi pertanyaan Yang Berhormat tadi, dari segi kewangannya, *the component of RC* itu memang sudah mula kita *go live* pada 1 November 2016 dan sehingga hari ini kita sudah berjaya mengutip *almost a quarter billion* lah. Walhal kos projek ini hanya RM150 juta. Dari segi kos kewangannya, saya rasa kita sudah *cover* balik. RC itu cuma RM20 bagi satu kenderaan dalam tempoh lima tahun.

Sepertimana yang saya terangkan tempoh hari, VEP ini adalah untuk membolehkan kita mendaftarkan kenderaan Singapura yang masuk. Bila mana dia masuk ke Malaysia, kalau ada kita punya kamera dan sebagainya tangkap nombor plat kereta itu, kita boleh kenal siapa punya. Sebelum ini tidak ada. Jadi, dia bebas keluar masuk. Kalau Yang Berhormat ingat, kelmarin Singapura dia menghalang kenderaan Malaysia untuk masuk Singapura yang mana ada saman. *We do not have that system. With the VEP*, selepas ini, kita ada. Mana-mana yang ada saman, dia akan keluar di dalam mySIKAP, sistem yang dibangunkan oleh JPJ, kita akan ada rekod dia. So, dia boleh masuk tetapi apabila hendak keluar, dia kena bayar dulu.

Jadi, berbalik kepada soalan Yang Berhormat tadi dari segi keberkesanannya— *two parts over here*. Dari segi *financial-nya, of course* dia sudah sepatutnya lima bulan setengah. *Delayed for quite some time*. Tetapi kita punya RC itu kita *go live* sudah pada 1 November 2016. VEP ini memang memakan masa sedikit dan kita akan hanya dapat melihatnya pada Q3 tahun ini. Selepas enam bulan daripada April ini, barulah kita boleh laksanakan terus. Maknanya kenderaan Singapura yang masuk kena ada RFID dan dia akan diberikan amaran sekiranya ada saman yang tertunggak. Kalau dia ingin juga membawa kenderaannya, maknanya kalau dia hendak keluar, dia kena bayar selesaikan, *settle-kan* semua samannya. Jadi, itulah jawapan saya, Yang Berhormat.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon: Kalau menerima jawapan daripada Datuk, bagi saya, ini masih saya boleh kata pula kegagalan kerajaan untuk mengutip saman-saman daripada

kenderaan Singapura kerana VEP ini tidak disiapkan pada masa yang ditetapkan di bawah kontrak. Kalau disiapkan pada masa yang ditetapkan pada kontrak, kemungkinan sekarang kerajaan sudah kutip berbilion saman-saman. Jadi, kerajaan kita rugi kerana kontrak ini tidak disiapkan pada masa yang ditetapkan. Okey.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Okey.

Puan Wong Shu Qi: Saya tanya kepada...

Tuan Pengerusi: Yang paling hujung itu.

Puan Wong Shu Qi: ...KSU masa dulu ya. Menerusi soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Tebrau tentang projek ini, setuju kah dengan saya bahawa sebenarnya dari segi keselamatan negara, yang paling penting adalah pelaksanaan VEP untuk menangkap semua kenderaan-kenderaan asing khususnya yang ada tunggakan saman lebih daripada— dapat *side income*, *income* yang *extra* itu untuk negara kita?

■1530

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: Betul, Yang Berhormat. Sepertimana objektif projek ini, ia ada dua iaitu RC dan VEP. VEP ini bukan sahaja untuk kita *enforce*-kan *law* kita ke atas kenderaan-kenderaan Singapura tetapi juga untuk menghalang *cloning* ataupun *dumping of Singapore vehicles in Malaysia*. Terdapat banyak kenderaan Singapura yang hampir-hampir tamat dia punya ELV, ia masuk ke Malaysia dan berlaku klon. Jadi ada juga berlaku ketirisan di situ.

Jadi, betul, kalau ikutkan konsepnya, yang kelewatan VEP itu telah mengakibatkan kerajaan kerugian hasil ataupun *potential* hasil akibat daripada kegagalan kita untuk mendaftarkan kenderaan Singapura yang masuk ke sempadan Malaysia.

Puan Wong Shu Qi: Okey. Seterusnya— minta maaf, Yang Berhormat Bukit Bendera. Ada beberapa soalan.

Okey, seterusnya, VEP sebenarnya yang lebih penting daripada RC. Akan tetapi, RC disegerakan kerana Jemaah Menteri membuat keputusan bahawa kita mesti membuat tindakan *retaliation against Singapore*. Itulah sebabnya kita segerakan projek RC dan VEP ini tetapi sebenarnya VEP cuma dilaksanakan dua tahun ke tiga tahun— mungkin tahun ini boleh dilaksanakan sepenuhnya. Adakah ini betul?

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: *Partially* betul, Yang Berhormat. Akan tetapi, RC ini *is more straight forward*. Kenderaan yang masuk, tanpa kira apa, kita caj RM20. Mudah. Akan tetapi kalau VEP, kita hendak kena tengok geran kenderaannya, pemandunya dan *legality of the* kenderaan itu di Singapura. *So, there is a need for us to match data* Malaysia dan

Singapura untuk kita daftarkan. Jadi pembangunan sistem itu lebih *complicated* bagi VEP berbanding RC. RC sebenarnya cuma *collection* sahaja macam tol. Ia masuk sahaja, kita caj RM20. Ia *touch* pakai Touch n' Go.

Puan Wong Shu Qi: Okey, kita kembali kepada kontraktor-kontraktor yang dapat kontrak ini ya. Ini kerana di dalam prosiding minggu lepas, mantan Menteri ada memberitahu Ahli-ahli PAC bahawa antara lima syarikat yang diminta untuk hantar *proof of concept* (POC) itu, cuma ada dua syarikat yang hantar sahaja. Salah satu adalah TCSens dan salah satu lagi adalah Teras. Pernahkah Datuk Seri KSU— Datuk Seri KSN sekarang— dengar tentang syarikat Teras ini?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Yang Berhormat, saya tidak sedar berkenaan ada syarikat Teras.

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari [Penolong Setiausaha Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat, Kementerian Pengangkutan]: Boleh saya jawab? Sebenarnya Teras masa itu, permohonan Teras adalah bersama-sama dengan syarikat Touch n' Go. Teras dan Touch n' Go bekerjasama untuk membangunkan sistem RC dan VEP dan masuk dalam salah satu senarai yang kita hendak buat tender terhad. Okey.

Puan Wong Shu Qi: Mantan Menteri kata dalam prosiding minggu lepas bahawa Teras ini ditolak atas sebab bahawa Jabatan Imigresen tidak setuju dengan cara mereka mengutip caj iaitu pakai manual. Pernahkah Jawatankuasa Teknikal berbincang tentang hal ini dengan Imigresen atau tidak?

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari: Yang Berhormat, setakat ini penemuan kita berdasarkan dokumen-dokumen yang ada, tiadalah sebarang dokumen yang menunjukkan bahawa kita tidak setuju dengan Teras. Oleh sebab kita pada masa itu kita ada POC dengan syarikat TCSens dan dalam masa yang terdekat hantar permohonan untuk *direct nego* TCSens, jadi Teras punya itu memang sudah ke tepi lah.

Puan Wong Shu Qi: Itu sebenarnya bukan Jawatankuasa Teknikal yang tolak juga lah? Ia sebenarnya keputusan mantan Menteri yang telah membuat keputusan bahawa kerana terlalu dekat, kita pilih ini sahaja?

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari: Betul, sebab Jawatankuasa Teknikal pun kita adakan selepas MoF bersetuju dengan pelantikan rundingan terus TCSens.

Puan Wong Shu Qi: Iaitu mantan Menteri kata Teras dan Touch n' Go sekarang, seperti yang kita tahu, cadangan mereka ditolak bukan ditolak atas pertimbangan Jawatankuasa Teknikal tetapi ditolak sebelum itu?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Itu susah hendak komen, Yang Berhormat, sebab kita tidak ada dokumen tersebut.

Tuan Wong Hon Wai: Okey, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya kepada Datuk Mohd Khairul selaku KSU MoT sekarang mengenai perkara dasar. Ini kerana sebelum ini kita selalu dengar *Singapore* memperkenalkan dasar caj yang baharu, kemudian kita macam terkejut, selepas itu kita tidak ada polisi respons, kita *develop system* lambat, kita kena— semua ini kita macam *lagging behind*.

So, apakah kita terima apa-apa notis dari pihak Singapura sebelum pelaksanaan apa-apa dasar baharu yang akan *affect* pengangkutan darat antara kedua-dua negara? Supaya kita boleh respons *in advance*, supaya kita boleh *develop system* lebih cepat daripada Singapura. Sebelum mereka kutip, kita sudah kutip dahulu.

Ini kerana *Singapore* dia punya dasar adalah tidak ada penambahan dalam bilangan kereta. *Zero growth in terms of numbers of cars*. Dasar mereka *limit the number of cars*, keluarkan pelbagai polisi. So, mereka mengenakan caj ini sebahagiannya adalah untuk respons untuk supaya orang-orang *Singapore* tidak pergi beli kereta di Johor kemudian pandu kereta balik ke Singapura.

So, dia punya— maksud saya di peringkat kementerian, ada atau tidak— apakah notis ataupun perbincangan di peringkat kedua-dua MoT? Supaya MoT kita respons lebih cepat supaya tidak timbul masalah seperti ini— kerana kesuntukan masa, kita pergi rundingan terus dan pelbagai ketirisan akan berlaku. So, minta respons.

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya antara Malaysia dan Singapura, kita memang ada forum yang kita *always* bentangkan apa-apa hal yang akan menjejaskan negara jiran kita sama ada di Singapura ataupun dengan Thailand. Jadi dalam hal ini, dalam kes RC VEP ini, kita juga sudah pun memaklumkan kepada Singapura kita punya *go live date*. Akan tetapi, *go live date* kita memang macam *moving target* lah, kita berubah-ubah, sebab projek tidak siap.

Dari segi Singapura juga, dia ada juga memaklumkan kepada kita apa-apa tindakan yang akan menjejaskan kita. Akan tetapi dalam kes yang terbaru ini, saya minta maaf, Yang Berhormat, saya pun baru lagi, saya tidak pasti sama ada telah dimaklumkan kah kenderaan Malaysia yang ada saman tidak boleh masuk *Singapore*. Saya baca semua daripada *paper* sahaja.

Encik Megat Farizul Ikhwan bin Megat Khushari: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: *Announcement* sahaja ya. Itu tidak ada, Yang Berhormat. Akan tetapi dalam kebanyakan kes, memang kita...

Tuan Wong Hon Wai: *Ada collect intelligence expatriate... [Ketawa]* Bisik-bisik pergi MoT Singapore? Kita tidak ada?

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: Memang *we have regular communication* tetapi *Singapore is selective* dalam apa makluman kepada kita. Dalam kes yang terbaru ini yang mana kenderaan Malaysia banyak tidak dapat masuk ke Singapura itu, kita pun baca melalui *newspapers* sahaja. *It was not inform to us. But in all most cases...*

Tuan Wong Hon Wai: Kena *build up* lebih banyak *communication* kerana kita semua terkejut. *I mean, whatever announcement by them, MoT response is slow* kerana tidak ada notislah, *of course*. Kita *respons slow*, lepas itu pergi *delivered system* kita macam kelam kabut semua.

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: Akan tetapi dalam hal ini, Yang Berhormat, Singapura hanya menguatkuasakan undang-undang dia. *It is nothing new*. Cuma dia kata *whoever* yang tidak bayar, dia akan sekat. Undang-undang itu sudah ada. *So, I think it is contingent upon our drivers in Singapore to obey their laws and* kalau dia kena saman, dia kena bayar. Dia bukan ada sistem baharu. Cuma dia buat sekatan baharu.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Sebenarnya, Yang Berhormat— *just* untuk menambah— kita tidak mencampuri, begitu juga Singapura tidak mencampuri urusan penguatkuasaan undang-undang mereka dan tidak perlu pun memaklumkan kepada mana-mana pihak pun sebab itu adalah undang-undang negara dia.

Contohnya, sepertimana juga kita kalau ingin mengenakan sesuatu kepada kereta Singapura sepertimana juga kepada kereta Malaysia, kalau melanggar AES kita kena saman RM300, itu adalah hak undang-undang negara kita yang perlu dihormati oleh mana-mana kenderaan, tidak semestinya kenderaan Singapura tetapi mana-mana juga kenderaan asing yang ditangkap melalui AES. Begitu juga kenderaan kita yang datang di Singapura dan ditangkap di Singapura disebabkan oleh kesalahan-kesalahan, itu adalah hak penguatkuasaan undang-undang negara masing-masing.

Cumanya, kita ada platform untuk menjaga jiran kita untuk pastikan bahawa perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti, perkara ini kita maklumkan tetapi bukan untuk mendapatkan kelulusan dan kebenaran. Tidak. Cuma memaklumkan dari segi sensitiviti antara kedua-dua buah negara.

Itu ada satu platform iaitu dipanggil *high level* antara kepimpinan kedua-dua negara iaitu antara Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura. Apa-apa juga perkara yang

melibatkan dua negara ini akan dibincangkan dalam mesyuarat tertinggi oleh kedua-dua pemimpin negara tersebut. Dan yang akan datang ini pada 10 hari bulan ya.

Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman: 8 dan 9 hari bulan.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: 8 dan 9 hari bulan. So, ini biasanya perkara-perkara yang melibatkan kedua-dua negara ini akan dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin yang tertinggi negara.

■1540

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Datuk Seri, berbalik kepada kos kedua-dua CAPEX dan OPEX ini. Daripada Laporan Audit, kos asal adalah RM62.42 *million* iaitu CAPEX sebanyak RM40.68 juta dan OPEX sebanyak RM21.74 juta. Pandangan audit adalah bahawa Audit mendapati bahawa tidak ada bukti menunjukkan sebarang justifikasi terperinci berkenaan dengan jumlah kos analisa pasaran, perihal kewangan, ekonomi dan lain-lain perkara. MoT hanya mengemukakan kos tersebut berdasarkan anggaran oleh kontraktor sahaja.

Apakah pandangan ataupun respons daripada Datuk Seri memandangkan apabila kertas cadangan ini dikemukakan oleh MoT, syarikat ini telah pun dilantik dan kos telah pun melonjak dari RM60 juta ke suatu angka sebanyak lebih daripada RM100 juta?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Pada asalnya yang saya tahu selama tempoh saya menjadi KSU, sebab itu pada masa itu saya mengasingkan harga RM61 juta kontrak tersebut kepada dua seperti saya sebutkan tadi, supaya untuk memastikan bahawa syarikat ini melaksanakan yang RM40 juta tersebut iaitu komponen CAPEX dahulu. Komponen CAPEX ini telah diasingkan dengan OPEX dan kita *detail*-kan apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang sesuai. Kalau dikatakan tidak ada itu, saya rasa kita kena *check* balik dokumen-dokumen kita bahawa kita telah membuat *assessment*. Saya rasa lama juga kita membuat penelitian mengenai perincian kos-kos tersebut sehingga kita menurunkan bahawa yang lain itu— OPEX kita asingkan, kita keluarkan. Kita hendak melihat bahawa syarikat ini membangunkan CAPEX dahulu iaitu dari segi pembangunan sistem dan sebagainya, tetapi bukannya melibatkan OPEX. Oleh sebab itu kita keluarkan dan kita bersetuju dengan RM42 juta atau RM43 juta tersebut sebagai kontrak asal dahulu. Jadi selepas daripada itu, mungkin Datuk Mohd Khairul Adib atau KSU sebelah saya boleh meneruskanlah.

Tuan Wong Kah Woh: *I don't know what is the procedure*, Datuk Seri, tetapi sekiranya apabila kita *present* kepada Perdana Menteri untuk lantikan secara rundingan terus, jumlah yang kita bantangkan adalah RM60 juta tetapi *at the end of the day* setelah kelulusan diberikan, jumlah melonjak ke lebih daripada RM149 juta, *is that something really normal for a ministry procedure?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: *Yes. It is normal,* Yang Berhormat. Pertama sekali, kita ada satu dipanggil Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian yang sentiasa mengawasi *progress* projek-projek di bawah kementerian tersebut. Jawatankuasa ini akan membuat satu keputusan status projek tersebut. Sekiranya projek tersebut memerlukan tambahan, dia akan minta kepada EPU dan EPU ini satu proses yang *vigorous* untuk mendapatkan sama ada boleh atau tidak boleh sesuatu projek tersebut dibuat pertambahan kos dan sebagainya. Sudah tentunya selepas daripada itu, sekiranya berlaku perubahan dari segi kos pertambahan dan sebagainya, kementerian telah berhubung dengan EPU untuk memastikan peruntukan diadakan, disediakan mencukupi berdasarkan kepada keperluan-keperluan yang dimohon pada masa tersebut. Mungkin MoT ada justifikasi dia kenapa daripada RM60 juta kepada RM150 juta tersebut.

Tuan Wong Kah Woh: *Okay, last question.*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Ada pertambahan skop ya?

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Wong Kah Woh: Okey, Datuk Seri, soalan terakhir saya pada petang ini. Kami ada tanya kepada Yang Berhormat Menteri soalan yang sama iaitu apakah justifikasi daripada pihak kementerian berkenaan yang mana memuaskan pihak kementerian bahawa syarikat TCSens ini mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam melaksanakan projek sebegini. *My question to Datuk Seri this afternoon is, is there any track record for this TCSens Sdn Bhd in the relevant field for this project? Any track record with the government or not?*

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Antara pengalaman dengan kepakaran, dua perkara yang berbeza. Saya punyai pengalaman tetapi tidak semestinya saya mempunyai kepakaran. Dalam hal ini, apa yang disebutkan dalam *company* tersebut mempunyai pengalaman, mungkin dia punyai pengalaman yang serupa tetapi tidak sama. Pengalaman serupa dengan pengalaman yang sama. Mungkin pengalaman serupa, lebih kurang sama tetapi tidak sama. Itu maksud dia. Contohnya, kalau projek JKR, pun sama juga, pengalaman yang serupa dan pengalaman yang sama.

Jadi dalam kes ini, syarikat ini mempunyai mungkin pengalaman tertentu tetapi bukan mempunyai kepakaran. Sebab projek VEP ini projek yang pertama di Malaysia. Belum pernah buat lagi. *So, they are the first in—* sebab itu kita tangguhkan dahulu projek di Kelantan yang sampai sekarang tidak buat lagi. Begitu juga di Indonesia dan Brunei. Sebab kita hendak tengok kejayaan dia. Kalau kita berjaya ini, *then only* kita *replicate the system* dan kita akan bawa pergi ke sempadan Kedah-Siam, Perak-Siam dan Kelantan-Siam— Thailand. *So* dengan cara itu kita boleh ini. Sebenarnya kita pun tidak ada pengalaman dari segi hendak membangunkan sistem

itu dan tidak ada satu syarikat yang mempunyai kepakaran. Akan tetapi pengalaman yang serupa memang ada. Syarikat ini mempunyai...

Tuan Wong Kah Woh: So, syarikat ini memang ada *track record with the government dealings?* Secara spesifik *for TCSens*.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Saya tidak tahu. Syarikat ini memang belum ada projek apa-apa dengan kerajaan sebelum ini.

Tuan Wong Kah Woh: Tidak ada ya?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Belum ada.

Tuan Wong Kah Woh: Okey.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Belum ada. Akan tetapi pengalaman yang serupa mungkin ada, sepertimana yang *di-claimed* oleh syarikat daripada perbincangan yang dibuat.

Tuan Pengerusi: Ada soalan lagi? Okey. *Datuk Seri as KSN now*, bagaimana Datuk Seri melihat kuasa mutlak Menteri Kewangan dalam sistem perolehan ini? *How do you see that* keperluan kuasa mutlak?

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Sebenarnya kuasa mutlak ini sepatutnya tidak ada. Kita memerlukan sepatutnya dibuat satu pindaan untuk mengurangkan kuasa mutlak tersebut, sebab *absolute power corrupt absolutely*. Saya berpegang kepada integriti dan tadbir urus supaya ada *check and balance*. Ini supaya *not the same person holding too much authority or too much power which can lead to the abuse of power*. So dalam kes ini, sebab itu kita akan mengadakan satu akta baharu bagi memastikan bahawa kuasa mutlak tersebut kita dapat kurangkan bagi memastikan bahawa perolehan-perolehan kerajaan ini dapat dilaksanakan dengan kos yang paling baik dan menjimatkan kerajaan. *The best value for money to the government and to the people. That is it that I can tell, sir. Thank you.*

Tuan Pengerusi: *Thank you very much*, Datuk Seri. Saya rasa setakat itu maklumat-maklumat yang diperlukan oleh PAC daripada Datuk Seri untuk kes ini. Bagi pihak PAC, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Datuk Seri atas kerjasama yang diberikan kepada PAC. Saya yakin maklumat yang diberi, yang kita peroleh pada hari ini akan membantu PAC untuk membuat rumusan terhadap kes ini. Terima kasih Datuk Seri.

Datuk Seri Dr. Ismail Bakar: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Terima kasih. *Thank you very much.*

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.49 petang]